



1 Februari 2017
1 February 2017
P.U. (A) 47

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH FI (PERUBATAN) (PINDAAN) 2017

FEES (MEDICAL) (AMENDMENT) ORDER 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (PERUBATAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2017.

Pindaan Jadual B

2. Perintah Fi (Perubatan) 1982 [*P.U. (A) 359/1982*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan Jadual B dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL B

CAJ WAD

BAHAGIAN 1
WAD AM

	Tidak berhawa dingin (Caj sehari) (RM)	Berhawa dingin (Caj sehari) (RM)
Kelas Satu:		
- Bilik dengan satu katil	90	120
- Bilik dengan dua katil	60	90
- Bilik dengan tiga katil atau lebih	45	60
Kelas Dua	25	40
Kelas Tiga	3	3

**BAHAGIAN 2
BILIK PROSEDUR (OBSTETRIK)**

	(RM)
Bilik bersalin (setiap kemasukan)	120 (Kelas Satu sahaja)
Dewan bedah (setiap kemasukan)	120 (Kelas Satu sahaja)

**BAHAGIAN 3
WAD PSIKIATRIK**

	Caj sehari (RM)
Kelas Satu	15
Kelas Dua	10
Kelas Tiga	Percuma

**BAHAGIAN 4
WAD EKSEKUTIF**

	Caj sehari (RM)
Bilik dengan satu katil (Orang kenamaan)	225
Bilik dengan satu katil	180
Bilik dengan dua katil	150".

Pindaan Jadual C

3. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual C dengan Jadual yang berikut:

"JADUAL C

CAJ RAWATAN

**BAHAGIAN 1
RAWATAN PESAKIT DALAM**

	Caj sehari (RM)
Kelas Satu	15
Kelas Dua	5
Kelas Tiga	Percuma

BAHAGIAN 2
ACCOUCHEMENT DAN BERSALIN

Jenis rawatan	Kelas Satu (RM)	Kelas Dua (RM)	Kelas Tiga (RM)
Pembedahan Caesarean	1200	400	100
Bersalin dengan bantuan: Forseps/songsang/vakum	600	200	50
Bersalin kembar	600	200	50
Bersalin biasa	450	150	10

BAHAGIAN 3
FISIOTERAPI

Jenis rawatan	Kelas Satu (RM)	Setiap lawatan Kelas Dua (RM)	Kelas Tiga (RM)
Modaliti elektroterapi			
Biomaklumbalas/miomaklumbalas	30	20	5
Arus terus/iontoforesis	30	20	5
Arus dwidynamik	30	20	5
Arus terus terganggu	30	20	5
Terapi interferens	30	20	5
Diatermi gelombang pendek	30	20	5
Stimulasi saraf transkutan elektrik	30	20	5
Terapi ultrasound	30	20	5
Ultrasound masa nyata	30	20	5
Stimulasi elektrik fungsional	30	20	5
Terapi gelombang kejut	30	20	5
Terapi haba/krioterapi			
Pek panas	15	10	2
Mandi lilin	15	10	2
Sinaran inframerah	15	10	2
Krioterapi	15	10	2
Fototerapi			
Terapi laser	30	15	5
Terapi sinar ultraungu	30	15	5
Terapi kardiorespiratori			
Teknik Pernafasan Kitaran Aktif (<i>ACBT</i>)	30	15	5
Senaman pernafasan	30	15	5
Sedutan bronkiol	30	15	5
Spirometer insentif	30	15	5

Jenis rawatan	Setiap lawatan		
	Kelas Satu (RM)	Kelas Dua (RM)	Kelas Tiga (RM)
Flutter	30	15	5
Latihan otot inspiratori	30	15	5
Terapi penyedutan	30	15	5
Perkusi/getaran	30	15	5
Tekanan ekspirasi positif	30	15	5
Penyaliran postural	30	15	5
Terapi mekano			
Tarikan servikal	20	10	2
Tarikan lumbar	20	10	2
Pam berangkai	20	10	2
Hidroterapi			
Senaman kolam	20	10	2
Pusaran air	20	10	2
Terapi manual			
Manipulasi tisu lembut	20	10	2
Lepasan miofasia	20	10	2
Penyaliran limfa secara manual	20	10	2
Akutekanan	20	10	2
Pemitaan/pembalutan/pengikat	30	20	Percuma
Terapi mampatan (limfoedema)	30	20	Percuma
Teknik khas			
Teknik reposisi Canalith	30	20	2
Senaman penstabilan renungan	30	20	2
Pengaisan atau pemberusan	30	20	2
Mobilisasi sendi	30	20	2
Teknik McKenzie	30	20	2
Program pembelajaran semula motor	30	20	2
Akupunktur atau penjaruman kering	30	20	2
Teknik perkembangan neuro	30	20	2
Pemudahan proprioseptif saraf otot	30	20	2
Terapi senaman			
Aktif, pasif atau berbeban	20	10	2
Ambulasi atau latihan gaya jalan	20	10	2
Senaman antenatal dan postnatal	20	10	2
Latihan imbalan	20	10	2
Latihan pundi kencing/usus	20	10	2
Latihan litar	20	10	2
Senaman bola gim	20	10	2